

26 JUL 1999

SARAWAK HARAP KELONGGARAN VISA DIBERI KEPADA SEMUA PELANCONG ASING

KUCHING, 26 Julai (Bernama) -- Sarawak berharap kelonggaran peraturan perjalanan dan visa seperti yang dibayangkan Perdana Menteri, melibatkan pelancong dari semua negara.

Menteri Pelancongan negeri Datuk Dr James Jemut Masing berkata kelonggaran untuk pelancong dari semua negara boleh meningkatkan industri pelancongan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyatakan kesediaan melonggarkan peraturan perjalanan dan visa demi kemudahan pelancong asing bagi menggalakkan pelancongan kerana ia akan membantu pemulihan ekonomi negara.

Masing juga memberitahu pemberita pada persidangan media di sini hari ini bahawa lima kumpulan muzik antarabangsa telah mengesahkan penyertaan di dalam "Rainforest World Music Festival '99" pada 28 dan 29 Ogos depan.

Kumpulan itu ialah Regis Gizavo dari Madagascar, Shooglenifty dari Scotland, Alma Latina dari Cuba, Mochica Del Peru dari Peru dan Randy Raine-Reusch & Mei Han dari Kanada dan China.

Masing berkata lapan kumpulan tempatan akan mengambil bahagian terdiri daripada empat kumpulan dari Sarawak, satu dari Sabah dan tiga dari Semenanjung.

Kampung Budaya Sarawak akan dijadikan lokasi pesta muzik itu dengan bayaran masuk sebanyak RM20 untuk orang dewasa dan RM10 untuk kanak-kanak dan pelajar.

"Tiket boleh didapati dari Pusat Maklumat Pelancongan di sini, Miri dan Sibu, kedai muzik terpilih, pemandu pelancong dan hotel," katanya lagi.

-- BERNAMA

RDY RON